

PENGURUSAN INSTITUSI PEMBANGUNAN ISLAM DI MALAYSIA: SUATU PENELITIAN KE ATAS KAEDAH PENGURUSAN YANG DIGUNA PAKAI

Fadzila Azni Ahmad

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang.

E-mel: sukainah@usm.my; suekainah@gmail.com; **Tel:** 04-653 4601; **Faks:** 04-653 2124;

Tahap Pengajian: Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia

Kemunculan institusi-institusi pembangunan Islam di Malaysia terutamanya selepas dekad 1980-an adalah sangat giat dan proaktif. Antaranya termasuklah pusat-pusat pengurusan zakat, bank-bank Islam, institusi-institusi pendidikan Islam, masjid-masjid dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kemunculan institusi-institusi pembangunan Islam ini kelihatan tidak pula diiringi dengan pembentukan atau pembangunan kaedah pengurusan yang khusus untuk diaplikasi ke atas institusi-institusi ini. Oleh itu, timbul persoalan, adakah institusi-institusi pembangunan Islam ini ada mengguna pakai kaedah-kaedah pengurusan tertentu di institusi masing-masing? Sekiranya ada, apakah bentuk kaedah pengurusan yang diguna pakai di institusi-institusi pembangunan Islam ini? Adakah institusi-institusi pembangunan Islam ini mempunyai kaedah pengurusan tertentu yang dibentuk selari dengan paradigma Islam yang menjadi tunjang perubahan institusi-institusi tersebut? Sekiranya tidak, adakah institusi-institusi ini hanya menerima pakai kaedah-kaedah pengurusan yang sedia ada pada masa kini untuk diguna pakai ke atas pengurusan institusi?

Kertas kerja ini berhasrat menjawab persoalan-persoalan ini menerusi kajian lapangan ke atas 20 buah institusi pembangunan Islam utama. Kaedah pensampelan bertujuan digunakan untuk memilih 20 buah institusi berkenaan yang mewakili 9 kelompok institusi pembangunan Islam di Malaysia. Maklumat daripada 20 buah institusi ini dikumpulkan melalui temu bual berstruktur dengan bantuan soal selidik ke atas informan yang terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi institusi atau pihak yang bertanggungjawab dalam mengendalikan pemakaian kaedah pengurusan di institusi-institusi berkenaan.

Hasil penelitian kertas kerja ini diharap akan menjawab persoalan apakah bentuk kaedah pengurusan yang paling banyak diguna pakai di kalangan institusi-institusi pembangunan Islam di Malaysia. Kertas kerja ini mendapati institusi-institusi pembangunan Islam lebih cenderung mengguna pakai kaedah pengurusan lazim berbanding kaedah pengurusan Islam. Kaedah pengurusan lazim yang paling banyak diguna pakai pula ialah kaedah Pengurusan Kualiti Menyeluruh atau TQM. Pemakaian TQM adalah di atas keyakinan bahawa kaedah pengurusan tersebut dapat memberikan kesan yang positif ke atas pengurusan institusi.